

# Bidang jagaan kesihatan perlu lebih ramai pelajar Islam

► **SITI AISYAH NORDIN**  
naisyah@sph.com.sg

LEBIH ramai pelajar Islam diperlukan dalam bidang penjagaan kesihatan bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam di Singapura.

Mereka yang menceburi bidang pembelajaran penjagaan kesihatan – termasuk kejururawatan, kesihatan pergigian, farmasi dan kedokteran – kurang diwakili anggota masyarakat Islam di Singapura.

Pandangan itu ditekan oleh Presiden Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA), Dr Zuraimi Mohamed Dahlan, yang bekerjasama dengan sekitar 20 pelajar bidang penjagaan kesihatan di Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam menganjurkan Program Pendekatan Penjagaan Kesihatan (MHOP).

Program yang berlangsung Sabtu lalu di NUS itu bertujuan memberikan panduan kepada pelajar prauniversiti, politeknik, madrasah dan maktab rendah yang berminat mendalami bidang tersebut.

Menurut Dr Zuraimi, usaha mendorong dan membantu lebih banyak pelajar Muslim menceburi bidang tersebut amat diperlukan.

“Khidmat yang diberikan oleh karyawan Muslim lebih bertepatan dengan keperluan masyarakat Islam di Singapura kerana mereka dapat memahami latar belakang agama dan budaya pesakit.

“Ini sudah tentunya berlainan jika mereka berkomunikasi dengan karyawan kesihatan beragama dan daripada bangsa yang berbeza,” jelas beliau.

Dalam program yang berlangsung dari 8 pagi hingga 4 petang itu,

sekitar 100 orang yang hadir diberi peluang mengikuti pengalaman karyawan penjagaan kesihatan seperti doktor, jururawat dan ahli farmasi yang diundang memberi taklimat.

Selepas itu, mereka dapat menikmati pengalaman “hands on” di enam gerai yang dibuka bagi menunjukkan pelbagai aspek kegiatan yang dilakukan dalam bidang-bidang yang ditampilkan itu.

Pelajar yang hadir dapat mencuba sendiri bagaimana memberikan bantuan pernafasan (CPR) dan cara membentuk acuan kaki palsu.

Selain itu, mereka juga diberi tip dalam menghadapi wawancara yang diperlukan bagi menyertai bidang tersebut oleh mereka yang pernah melaluinya di NUS.

Menurut salah seorang pelajar dalam jawatankuasa penganjur MHOP, Encik Muhammad Nur Di-



**ALAMI SENDIRI PELBAGAI KEGIATAN:** Pelajar yang hadir berpeluang mengunjungi enam gerai yang disediakan bagi menunjukkan pelbagai kegiatan yang dilakukan dalam beberapa bidang penjagaan kesihatan termasuk mencuba sendiri teknik CPR. – Foto Program Pendekatan Penjagaan Kesihatan (MHOP) Universiti Nasional Singapura (NUS)

nie Abdul Aziz, respons yang diterima amat mengalakkan.

“Ini kali pertama kami menganjurkan program yang meliputi bidang penjagaan kesihatan yang pelbagai. Tahun lepas, kami hanya menampilkan bidang kedokteran tetapi tahun ini kami telah mendapatkan

pelajar daripada pelbagai bidang berkongsi pengetahuan mereka,” katanya.

Mahasiswa tahun kedua Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS itu berkata bahawa matlamat program itu adalah menarik minat lebih ramai pelajar Melayu.

“Kami ingin memberikan mereka pendedahan serta maklumat yang cukup untuk mendorong pelajar mendalami ilmu penjagaan kesihatan yang semakin berkembang,” katanya sambil menambah bahawa acara tersebut akan diadakan setiap tahun.